

BAB SATU

PENDAHULUAN

BAB 1

PENDAHULUAN

Di dalam dokumen Strategi Melangkah Kehadapan yang turut dikenali sebagai Wawasan 2020, didapati bahawa cabaran strategik keempat ialah ‘Untuk membentuk sebuah masyarakat bermoral dan beretika sepenuhnya yang mempunyai warganegara yang kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika yang tinggi’.

Cabaran ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan menyedari betapa pentingnya peranan agama dalam usaha untuk membentuk sebuah negara yang bermoral dan beretika.

Jatuh bangunnya sesebuah tamadun bukannya ditentukan oleh aspek material seperti ekonomi, ketenteraan, atau sains dan teknologi semata-mata, tetapi juga merangkumi aspek-aspek rohani/spiritual seperti kekentalan semangat beragama, kekuatan jiwa dan keampuhan akal budi bangsa tersebut.¹

Pemikir Islam abad ke-14, Ibnu Khaldun pernah menyebut bahawa, ‘sejarah membuktikan betapa sesebuah empayar ataupun tamadun yang serba unggul pada suatu masa, tetapi kemudiannya tenggelam dalam lipatan sejarah akibat keruntuhan moral dan kebejatan akhlak para pemimpin dan rakyatnya’.²

Menyedari kepentingan peranan agama dalam membentuk sebuah tamadun yang maju dan unggul, penyelidik melihat agar satu penilaian yang menyeluruh mengenai corak tanggapan kakitangan awam terhadap teori pengurusan Islam perlu dikaji. Ini dilakukan bagi melihat tahap penerimaan kakitangan awam terhadap elemen-elemen agama dalam pengurusan sesebuah organisasi. Proses Islamisasi dalam sektor awam merupakan satu langkah yang praktikal untuk dilakukan demi kebaikan semua. Seperti yang disepakati ramai pemikir Islam, jelas membuktikan bahawa di dalam Islam, tidak ada pemisahan di antara agama dan negara, malah ia merupakan satu kesepadan yang harmonis di mana agama berfungsi sebagai pentakrif dan pencorak kepada pembentukan masyarakat.³

Prinsip pengurusan yang berteraskan Islam perlu difahami sedalam-dalamnya memandangkan ia adalah konsep universal yang ideal dan sentiasa memberi penekanan kepada keseimbangan dunia dan akhirat.

1.1 PENGURUSAN BERTERASKAN ISLAM

Persoalan pengurusan dari perspektif Islam bermula dan berakhir dengan persoalan pokok, iaitu mengenai hakikat kejadian insan. Hakikat tersebut ialah manusia hidup untuk beribadat, iaitu mengabdikan diri kepada Allah, al-Khaliq. Pengabdian, dalam erti yang konkrit dan luas ialah untuk melaksanakan rencana Allah di dunia, berdasarkan kehendakNya, secara individu dan secara kolektif.⁴

Islam sebenarnya berteraskan KeEsaan Tuhan Yang Maha Besar atau Tauhid. Maka teras falsafah Islam ialah membesarakan, memuliakan, mengagungkan, menyedari dan mengingati wujudnya Allah s.w.t. dalam segala aspek kehidupan manusia. Tauhid juga menjadi teras kepada aqidah seseorang. Atas dasar ini, apabila kita membicarakan isu yang berkaitan dengan pengurusan yang berteraskan Islam, maka, ia haruslah berpaksikan Tauhid.⁵ Pengurusan dalam Islam meletakkan perhatiannya kepada semua aspek yang memberi kesan kepada amalan pengurusan sama ada ia bersifat dalaman mahupun bersifat luaran organisasi. Ia juga memasukkan nilai-nilai kemasyarakatan ke dalam organisasi kerana nilai ini amat penting dalam mempengaruhi etika pengurusan dan pentadbiran.⁶

Dalam kajian yang telah dibuat oleh Mohd. Affandi Hassan berkaitan "*The Tawhidic Approach In Management and Public Administration: Concepts, Principles and an Alternative Model*", beliau telah mengemukakan konsep pengurusan yang beliau takrifkan seperti berikut:⁷

"Pengurusan dan pentadbiran ialah perlaksanaan kewajipan (iaitu amanah) sebagai amal soleh secara kerjasama berasaskan syura untuk membina tamadun yang diredhai Allah s.w.t. bagi mencapai al-falah, iaitu kesejahteraan dan keberuntungan dunia dan akhirat; dan membendung daripada berlakunya al-fasad, iaitu penyelewengan atau korupsi dalam maknanya yang luas dan menyeluruh."

Model pengurusan Islam menurut Mohd. Affandi adalah lebih unggul daripada konsep pengurusan Barat kerana ia membawa ketaqwaan dan keimanan kepada Allah s.w.t. selaras dengan tujuan hakiki manusia itu diciptakan.⁸

Atas keyakinan dan kesedaran ini, prinsip pengurusan berteraskan Islam perlu diaplikasikan secara total dalam organisasi, bagi memastikan penghayatan konsep khalifah dalam segala tugas dan gerakkerja yang dilakukan.

Prinsip pengurusan yang berteraskan Islam terbit daripada beberapa sumber. Sumber yang paling utama ialah Al-Quran dan As-Sunnah. Al-Quran merupakan kitab Allah s.w.t. yang mengandungi ajaran yang menyeluruh untuk kebaikan seluruh umat manusia. Dalam bidang pengurusan, terdapat pelbagai ayat yang menggariskan peraturan-peraturan dan tatacara yang boleh dijadikan panduan dalam menguruskan sesebuah organisasi.⁹ Panduan dalam pengurusan juga boleh didapati melalui hadis-hadis yang menyentuh secara khusus dengan aspek pengurusan.¹⁰

Wan Liz Ozman dalam kajiannya turut menyebut bahawa selain dari sumber-sumber Al-Quran dan As-Sunnah, terdapat juga sumber-sumber rujukan yang lain seperti:¹¹

1. Ilmu pengurusan Islam amalan Khalifah Ar-Rashidin

2. Pemikiran klasikal sarjana-sarjana Islam seperti Ibnu Khaldun, Abu Yusuf, Al-Ghazali, Ibnu Taymiyyah dan lain-lain.
3. Pemikiran atau tulisan sarjana kontemporari mengenai pengurusan Islam seperti Syed Othman Al-Habshi, S.M.Imanuddin, Ali Nadwi dan lain-lain.

Sumber-sumber rujukan di atas menunjukkan bahawa umat Islam masakini begitu kaya dengan sumber-sumber keilmuan sejak zaman Rasulullah s.a.w. sehingga kepada pemikiran tokoh-tokoh dan sarjana mutakhir. Ia seharusnya dimanfaatkan dengan seoptimum mungkin untuk membina gagasan baru dalam bidang pengurusan bagi memenuhi tuntutan zaman mendatang.¹²

1.2 PENYATAAN MASALAH

Dewasa ini, masalah pengurusan seringkali diterakan di akhbar-akhbar dan bahan bacaan umum serta media massa yang lain. Masalah-masalah yang dimaksudkan mempunyai pelbagai bentuk, termasuk penyelewengan, penipuan, pecah amanah, kronisme, rasuah dan lain-lain. Perkara-perkara seperti ini berlaku bukan sahaja di negara yang membelakangkan agama, khususnya negara-negara yang mengamalkan sistem kapitalis dan sosialis, tetapi juga negara-negara yang majoriti penduduknya adalah penganut agama Islam.¹³

Permasalahan yang timbul ini tidak mungkin dapat diatasi jika tidak wujud satu usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan di peringkat kerajaan.

Suatu proses penelitian semula terhadap konsep dan pendekatan yang digunakan dalam pentadbiran dan pengurusan negara harus dilakukan.

Di Malaysia, pemimpin-pemimpin dalam kerajaan telah mengambil langkah untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pengurusan sebagai satu alternatif untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul. Penerapan ini diharap dapat diikuti oleh sektor swasta dan organisasi-organisasi lain bagi memastikan ia menjadi kaedah yang terbaik untuk mengatasi permasalahan pengurusan yang sering berlaku. Suatu bentuk perancangan, penstukturuan semula, pelaksanaan dan penilaian yang konsisten sangat penting bagi memastikan prinsip-prinsip pengurusan Islam ini dapat diaplikasikan secara total dalam pengurusan negara.

Kekeliruan terhadap prinsip pengurusan Islam oleh kakitangan organisasi menjadikan ia tidak dapat digunakan dalam menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul. Bagi memastikan kekeliruan ini dapat diatasi, maka satu kefahaman yang menyeluruh terhadap prinsip pengurusan Islam perlu difahami dengan teliti. Kerajaan perlu menilai semula usaha-usaha yang telah dilakukan dalam mengetengahkan prinsip-prinsip ini agar dapat mengatur strategi yang lebih mantap dan berkesan untuk usaha-usaha seterusnya.

Di dalam sektor awam di Malaysia, walaupun nilai-nilai dan prinsip-prinsip pengurusan Islam telah kerap dibicarakan, namun masalah-masalah dalam pengurusan masih terus kedengaran dari semasa ke semasa. Keraguan mula

wujud dalam mengenalpasti tentang sejauhmana prinsip pengurusan Islam ini difahami, diterima dan dipandang positif oleh kakitangan organisasi. Atas dasar inilah, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti tanggapan kakitangan awam terhadap prinsip pengurusan Islam. Ia amat penting dalam melihat status penerimaan terhadap nilai-nilai dan prinsip-prinsip pengurusan Islam yang telah dilaungkan oleh kerajaan.

Teori pengurusan Islam harus dijadikan model dan pegangan dalam menguruskan sesebuah organisasi. Ia perlu dihayati oleh semua agar dapat menjadi alternatif yang terbaik dalam menangani segala permasalahan pengurusan. Sudah tiba masanya untuk menilai semula pendekatan yang sering digunakan dalam pengurusan organisasi dan beralih kepada prinsip pengurusan yang berteraskan Islam bagi menjamin kejayaan yang hakiki.

1.3 SKOP KAJIAN

Secara umumnya, skop kajian ini tertumpu kepada perbahasan mengenai konsep dan teori dalam pengurusan Islam. Seterusnya, perbincangan turut merangkumi mengenai prinsip-prinsip pengurusan Islam secara khusus. Fokus juga tertumpu kepada usaha untuk melihat tahap kefahaman, tahap penerimaan dan tanggapan kakitangan perkhidmatan awam terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Untuk menerangkan latarbelakang, ciri-ciri dan prinsip-prinsip pengurusan Islam.
2. Untuk menghuraikan evolusi, dan perkembangan penerapan nilai-nilai Islam dalam sektor awam di Malaysia.
3. Untuk menganalisis tahap kefahaman dan penerimaan kakitangan perkhidmatan awam terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam
4. Untuk menganalisis trend-trend tanggapan kakitangan perkhidmatan awam terhadap prinsip pengurusan Islam.
5. Untuk mencadangkan beberapa langkah alternatif dalam usaha untuk menge tengahkan nilai-nilai dan prinsip-prinsip pengurusan Islam dalam sektor awam.

1.5 METODOLOGI

Bahagian ini merangkumi rekabentuk penyelidikan dan metodologi yang digunakan dalam menyiapkan keseluruhan kajian ini. Penghuraian metodologi ini merangkumi tiga aspek utama iaitu kaedah pengumpulan data, rekabentuk soal-selidik dan rekabentuk analisis data.

1.5.1 Kaedah pengumpulan data

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan beberapa pendekatan bagi memastikan keputusan yang diperolehi praktikal dan relevan. Pengumpulan data bagi tujuan kajian ini merangkumi dua kategori iaitu:

- a) Pengumpulan data primer
- b) Pengumpulan data sekunder

a) Pengumpulan data primer

Untuk mengetahui tahap kefahaman dan corak tanggapan kakitangan awam terhadap prinsip pengurusan Islam, pengumpulan data primer menjadi sumber yang terpenting dalam kajian ini. Data-data primer diperolehi daripada borang soal-selidik yang diedarkan kepada kakitangan awam¹⁴. Mereka yang dipilih diminta untuk menjawab borang soal-selidik yang disediakan dengan teliti bagi memastikan kejituhan hasil kajian yang dibuat.

Tinjauan awal juga dijalankan ke atas sepuluh (10) orang responden diperingkat permulaan (*pilot survey*). Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima, borang soal selidik ini telah diperkemaskan bagi memastikan soalan-soalan yang ditanya benar-benar relevan dengan subjek kajian yang diketengahkan.

Selain dari borang soal-selidik, data-data primer juga diperolehi melalui perbincangan lanjut (temubual) dengan beberapa orang individu di Institut Tadbiran Awam Negara dan di ISTAC¹⁵. Temubual ini banyak membantu penyelidik untuk mencantumkan data dan maklumat yang diperolehi dengan memasukkan aliran dan gagasan pemikiran yang lebih kemas dan mantap. Daripada perbincangan ini, isu-isu seperti perkembangan nilai dalam sektor awam serta prinsip-prinsip asas dalam pengurusan dapat diperhalusi dan dikupas dengan lebih terperinci lagi.

b) Pengumpulan data sekunder

Data sekunder telah dikumpul untuk mengetengahkan prinsip-prinsip asas dalam pengurusan Islam. Ia memberi penjelasan lanjut mengenai pelbagai konsep, teori, prinsip dan falsafah yang digunakan dalam kajian ini. Untuk tujuan kajian ini, data sekunder dikumpul melalui buku-buku yang mengupas secara terperinci mengenai falsafah, teori dan prinsip-prinsip pengurusan Islam¹⁶.

Artikel-artikel dari majalah, kertas-kertas kerja seminar, keratan akhbar dan risalah-risalah juga banyak membekalkan data-data sekunder yang penting. Maklumat yang diperolehi dari bahan-bahan ini banyak membantu dalam usaha untuk mengukuhkan lagi kefahaman terhadap elemen-elemen penting dalam prinsip pengurusan Islam dan isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran berteraskan Islam.

Pengumpulan data-data sekunder telah dilaksanakan dengan mendapatkan sumber-sumber bahan bacaan di:

1. Perpustakaan Utama, Perpustakaan Pustaka Peringatan Za'aba dan Perpustakaan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya
2. Perpustakaan Negara
3. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
4. Perpustakaan Pusat Islam, JAKIM
5. Perpustakaan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
6. Perpustakaan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
7. Perpustakaan ISTAC
8. Internet.

Hasil dari perbincangan ilmiah, ulasan buku mahupun dari kajian-kajian yang lepas disusun dalam bentuk fakta bagi memberi gambaran yang jitu mengenai konsep, falsafah dan prinsip pengurusan Islam. Daripada bahan-bahan bacaan inilah sejarah-sejarah, evolusi serta prinsip-prinsip pengurusan Islam dikupas dengan lebih terperinci.

1.5.2 Rekabentuk soal-selidik

Pembentukan borang soal-selidik ini adalah berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan bagi memastikan hasil yang diperolehi benar-benar

memenuhi objektif tersebut. Menerusi soalan-soalan yang dikemukakan, maklumat mengenai kefahaman terhadap prinsip pengurusan Islam, faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman dan corak tanggapan kakitangan diperolehi. Kaedah soal-selidik merupakan teknik yang digunakan untuk mendapatkan data mentah yang biasanya dianggap sulit oleh responden. Keputusan soal-selidik ini dianalisis bagi mendapatkan hasil penyelidikan yang bermutu dan mantap. Secara keseluruhannya, borang soal-selidik ini merangkumi empat bahagian utama iaitu:

Bahagian 1 : Latarbelakang responden

Bahagian 2 : Pengetahuan umum terhadap prinsip pengurusan Islam

Bahagian 3 : Faktor-faktor yang mempengaruhi pengetahuan dan kefahaman terhadap prinsip pengurusan Islam

Bahagian 4 : Corak tanggapan kakitangan awam terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam

(rujuk lampiran 1)

Soalan-soalan yang terdapat di dalam borang soal-selidik ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

I. Soalan terbuka

II. Soalan tertutup

I. Soalan terbuka

Bagi soalan terbuka, responden diminta untuk menulis pandangan dan komen mereka terhadap soalan yang diberikan. Mereka bebas untuk menjawab apa sahaja berdasarkan pendapat peribadi mereka.

II. Soalan tertutup

Bagi soalan tertutup, terdapat dua bentuk jawapan yang disediakan. Untuk bahagian 1, 2 dan 3, jawapan yang diberikan adalah berbentuk pelbagai pilihan jawapan. Responden diminta untuk menandakan jawapan yang difikirkan sesuai. Bagi bahagian 4, Skala Likert digunakan dengan mengemukakan empat pilihan jawapan iaitu Sangat setuju, Setuju, Tidak setuju dan Sangat tidak setuju. Ini bagi memberi ruang kepada responden untuk menyatakan pendirian mereka terhadap pernyataan yang diberikan. (Rujuk borang soal selidik yang dilampirkan)

1.5.3 Rekabentuk analisis data

Program 'Statistical Package for The Social Science for Windows' (SPSS for Windows) digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif iaitu bentuk frekuensi dan peratus. Analisis silang, ujian chi-square serta ujian korelasi juga telah digunakan bagi memperihalkan maklumat yang terkumpul.

1.6 KEPENTINGAN DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini penting sebagai satu proses muhasabah untuk menilai semula prinsip dan pendekatan yang digunakan dalam proses pengurusan sektor awam di Malaysia. Ia juga penting untuk memberi kesedaran dan maklumat kepada tokoh-tokoh ilmuan dalam pengurusan Islam tentang tahap kefahaman, penerimaan dan corak tanggapan kakitangan terhadap isu teori pengurusan Islam. Ia juga dapat membantu pengkaji dan pejuang Islam yang cuba mengetengahkan teori pengurusan Islam ini agar merancang strategi bagi memasarkan produk pengurusan Islam ini dengan efektif lagi.

Sepanjang tempoh penyelidikan, penyelidik telah berhadapan dengan pelbagai kesulitan yang mengganggu dan membataskan kajian. Kesulitan yang paling ketara ialah dalam usaha untuk mengumpulkan data primer iaitu melalui kaedah borang soal-selidik. Pada peringkat awal apabila *pilot survey* dijalankan, komitmen dan kerjasama daripada kakitangan sangat rendah. Kebanyakan maklumbalas yang diperolehi adalah melalui telefon kerana kesukaran dalam membuat temujanji. Ini kerana, pada waktu kajian ini sedang dijalankan, kakitangan sedang sibuk dengan pengemaskinian Rancangan Malaysia Ke-8. Perbincangan melalui telefon ini menjadikan komunikasi agak terhad dan terbatas.

Masalah yang hampir sama dihadapi apabila borang soal selidik sebenar diedarkan. Usaha untuk mengutipnya semula memakan masa yang lama. Ada juga terdapat beberapa borang yang tidak lengkap diisi dan ia terpaksa diasangkan bagi menjamin hasil kajian yang lebih jitu. Komitmen yang rendah ini banyak mengganggu kelancaran kajian yang dilaksanakan.

Dalam lingkungan populasi yang agak besar pula, penyelidik mendapati adalah sukar untuk memastikan bahawa sampel yang dipilih benar-benar mewakili 'trend' tanggapan kakitangan awam secara keseluruhan. Tambahan pula, penyelidik terpaksa akur dengan tempoh masa singkat yang diberikan dalam menyiapkan kajian ini.

1.7 PENSTRUKTURAN BAB

Hasil penyelidikan ini dipersembahkan melalui pembahagian bab. Bab Pertama dikhususkan kepada pendahuluan kajian yang turut membincangkan konsep pengurusan berteraskan Islam secara umumnya, pernyataan masalah, skop kajian, objektif kajian, metodologi, kepentingan dan batasan kajian, dan penstrukturran bab. Bagi Bab Ke Dua, perbincangan khusus dilakukan dengan menyentuh latarbelakang pengurusan Islam, ciri-ciri dan prinsip-prinsip asas dalam Pengurusan Islam. Perbincangan dalam Bab Ke Tiga pula akan merujuk kepada evolusi dan perkembangan penerapan nilai-nilai Islam dalam sektor awam di Malaysia.

Bab Ke Empat merupakan perbincangan yang mencakupi analisis mengenai tahap kefahaman, tahap penerimaan dan 'trend' tanggapan kakitangan awam terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kefahaman dan 'trend' tanggapan kakitangan, dan akhir sekali perbezaan dan perkaitan antara satu variabel dengan satu veriabel yang lain.

Bab Lima pula merupakan rumusan daripada penyelidikan yang dijalankan serta cadangan alternatif dalam usaha untuk meningkatkan tahap kefahaman terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Turut dibincangkan ialah beberapa cadangan kepada pengkaji akan datang.

- 1 Wan Liz Ozman Wan Omar, *Pengurusan Islam Abad ke-21*, Siri Pengurusan Dan Pentadbiran Utusan 1996 hlm 19. Rujukan seterusnya ditulis Pengurusan Islam
- 2 Ibnu Khaldun, Abdul Rahman, *Al-Muqaddimah*, New Jersey, Bollingen 1969
- 3 Wan Liz Ozman, *Pengurusan Islam*, hlm 60
- 4 Mohd Shahar B. Sidek, *Pengurusan Organisasi Dari Perspektif Islam*, diselenggarakan oleh Abdul Halim El-Muhammady 1996, hlm 135
- 5 Syed Othman al-Habshi, *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*, Dewan Bahasa dan Pustaka 1997, hlm 69. Rujukan seterusnya ditulis Islam ,Ekonomi.
- 6 Ahmad Ibrahim Abu Sin, *Pengurusan Dalam Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka 1997, hlm 310
- 7 Wan Liz Ozman, *Pengurusan Islam*,hlm 67
- 8 Ibid, hlm 69
- 9 Antara ayat al-Quran yang turut menyentuh mengenai pengurusan ialah, "Sesungguhnya Allah menyukai orang yang berperang di jalanNya dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka seperti suatu bangunan yang tersusun kukuh". (As-Saff:4)
- "Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah milarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran". (Al-Nahl:90)
- 10 Antara Hadis yang menyentuh aspek pengurusan ialah, "Sesungguhnya Allah itu suka jika seseorang daripada kamu membuat sesuatu kerja dengan cekap". (Bukhari dan Muslim)
- "Sesungguhnya Allah sukakan mukmin yang pakar".(Tabrani, Al-Hakim dan Al-Tarmidhi)
- 11 Wan Liz Ozman, *Pengurusan Islam*, hlm 57
- 12 Ibid, hlm 62
- 13 Syed Othman Al-Habshi, *Islam, Ekonomi*, hlm 59
- 14 Sektor awam yang dijadikan tempat kajian ialah Jabatan Perdana Menteri
- 15 Antara tokoh-tokoh yang telah ditemubual ialah Dr. Ugi Suharto, Aidit Ghazali dll
- 16 Antara buku yang dijadikan rujukan utama ialah Ensiklopedia Sirah IV, Pengurusan Dalam Islam oleh Ahmad Ibrahim Abu Sin dll.